


SIRI PENGAJIAN SEJARAH

# MALAYSIA 1945-2000

ISHAK SAAT





5

# MALAYSIA 1945-2000





SIRI PENGAJIAN SEJARAH

# MALAYSIA 1945-2000

ISHAK SAAT



PERDANA PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

PUSTAKA PERDANA



1012541

*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*  
No. 1 & 3, Jalan 3/91A  
Taman Shamelin Perkasa, Cheras  
56100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92856577  
Faks: 03-92846554/92875763  
e-mel: [enquiry@upnd.com.my](mailto:enquiry@upnd.com.my)  
laman web: [www.mybooks.com.my](http://www.mybooks.com.my)

© *Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*  
Terbitan Pertama 2009

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-  
Penerbitan

Ishak Saat, 1964-

Malaysia 1945–2000 / Ishak Saat.

ISBN 978-967-61-2199-8

1. Malaysia–History–1945-2000.

2. Malaysia–Politics and government–History–1945-2000.

I. Judul.

959.5

Dicetak oleh  
PRIN-AD SDN. BHD.  
No. 27-29, Jalan 2/148A,  
Tmn. Sg. Besi Industrial Park,  
57100 Kuala Lumpur.



# KATA PENGANTAR

Buku *Malaysia 1945–2000* mengutarakan rentetan sejarah Malaysia bermula dengan latar belakang perjuangan politik orang Melayu. Ia membicarakan tentang kebangkitan orang Melayu menentang penjajah seawal abad ke-17 lagi, iaitu berhadapan dengan kuasa penjajah untuk menuntut hak pusaka bangsa. Mereka menggunakan pelbagai pendekatan politik untuk menterjemahkan tuntutan kemerdekaan daripada pihak British. Lantaran itu mereka terpaksa menempuhi pelbagai cabaran serta melakukan pelbagai pengorbanan demi melihat anak bangsa hidup merdeka. Namun, pada pascamerdeka sumbangan dan pengorbanan mereka ini seolah-olah dilupakan. Justeru, buku ini cuba memaparkan peranan dan sumbangan golongan ini agar diberikan satu pentafsiran dan penilaian semula terhadap perjuangan orang Melayu pada era perjuangan kemerdekaan. Kurangnya kesatuan fikrah menyebabkan perjuangan orang Melayu menentang kuasa penjajah British seolah-olah terbantut dan tidak kesampaian. Akan tetapi



pasca-Perang Dunia Kedua memperlihatkan sebuah perjuangan yang lebih tersusun dan sistematik. Orang Melayu sudah mulai mengetahui hak mereka dalam menyuarakan tuntutan dan keadilan bersesuaian dengan peruntukan undang-undang antarabangsa, iaitu Hak Asasi Manusia. Justeru, buku ini turut membicarakan persoalan sejarah yang berkaitan dengan perubahan sikap dan pendekatan politik orang Melayu dalam berhadapan dengan kaum imigran yang akhirnya melahirkan sebuah dimensi politik baru buat Malaysia. Kedatangan dan penjajahan penguasa British akhirnya melahirkan Tanah Melayu sebagai sebuah negara majmuk. Imperialisme dan kolonialisme akhirnya meninggalkan Tanah Melayu sebagai sebuah negara berdaulat yang berdiri megah dengan kepelbagaian budaya, ekonomi, sosial dan politik.

Lantaran itu buku ini cuba menyingkap dan menggambarkan sejarah perjalanan Tanah Melayu sejak awal sehinggalah terbentuknya Malaysia. Buku ini bertujuan memberikan kesedaran kepada seluruh masyarakat berbilang kaum di negara ini tentang betapa pentingnya menghargai jasa dan sumbangan mereka yang terdahulu yang telah berperanan untuk melahirkan Malaysia. Adalah diharapkan buku ini dapat menanamkan kesedaran dan keilmuan dalam menghargai warisan negara yang dimiliki Malaysia.

Akhirnya, buku ini dapat memberikan satu bentuk pengadilan moral yang lebih terbuka dan adil terhadap perjuangan yang pernah dilalui golongan terdahulu yang pernah mewarnai sejarah politik di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Perjuangan, pengorbanan dan sumbangan mereka ini tidak dapat dinafikan begitu sahaja kerana mereka juga merupakan pejuang-pejuang kemerdekaan. Seharusnya buku ini dimiliki dan dibaca oleh guru-guru, siswa/siswi

dan pengkaji sejarah serta masyarakat umum agar dapat menilai catatan sejarah secara yang lebih terbuka dan adil.

Sekian.

Profesor Madya Omar bin Majid  
Dekan  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.



# PRAKATA

Dari tahun 1945 hingga 2000 Malaysia telah melalui suatu perjalanan yang memperlihatkan pelbagai peristiwa suka dan duka. Rentetan sejarah yang dilalui akhirnya mencorakkan sejarah Malaysia yang tersendiri. Buku *Malaysia 1945–2000* ini memuatkan beberapa peristiwa terpilih. Ia membicarakan persoalan bangsa Melayu yang telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan sejak era sebelum merdeka sehingga ke pasca-merdeka. Bermula dengan sebuah Pertuanan Melayu yang bebas dan merdeka di alam Melayu, dan kemudiannya dijajah ratusan tahun silih berganti oleh kuasa Barat seperti Portugis, Belanda dan British, tidak terkecuali juga oleh Kuasa Asia, iaitu Jepun. Tanggal 31 Ogos 1957 menyaksikan Tanah Melayu mulai bebas dan merdeka serta melalui sejarah tersendiri untuk terus maju ke abad ke-21. Perbincangan dimulakan dari zaman tradisi, iaitu berhubung kesedaran berpolitik orang Melayu. Kemudian dibincangkan tentang zaman selepas Perang Dunia Kedua, khususnya berkaitan dengan pembentukan Malayan Union yang akhirnya



menimbulkan kesedaran bangsa Melayu untuk bangkit secara menyeluruh dan menyatakan ketidakpuashatian terhadap rancangan kesatuan ini. Kemudian, perbincangan membawa kepada perjuangan tuntutan kemerdekaan.

Dalam arus pemodenan hari ini, buku ini mengajak dan mengingatkan para pembaca supaya tidak melupakan aspek sejarah politik, sosial, budaya dan ekonomi yang pernah dilalui Malaysia agar ia dijadikan teladan dan sempadan. Kemajuan sesebuah bangsa itu seharusnya dipelajari daripada sejarah kerana kelekaan dan pengabaian sejarah silam akan menyebabkan hala tuju Pertuanan Melayu mudah diganggu gugat oleh musuh negara.

Akhirnya, diharapkan buku *Malaysia 1945–2000* ini mampu menjadi sebuah peringatan kepada pembaca, khususnya bakal siswazah, guru-guru dan juga masyarakat umum agar tidak terleka dengan kemajuan yang sedang dimiliki sehingga tidak menghiraukan sejarah yang pernah dilalui. Lantaran itu penghasilan buku ini dapat menambahkan khazanah sejarah Malaysia. Ia boleh dijadikan batu asas kepada para pengkaji kemudiannya untuk menjelaskan, menegaskan, menghuraikan ataupun mempersoalkan kebenaran dan kesahihan sejarah warisan Malaysia dengan bantuan dokumen-dokumen atau bukti-bukti baru yang ditemui.

Dr. Hj. Ishak bin Saat  
Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.

# KANDUNGAN

Kata Pengantar  
Prakata

<b>BAB 1</b>	<b>LATAR BELAKANG KEBANGKITAN POLITIK MELAYU</b>	<b>1</b>
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Perjuangan Politik Melayu	2
	Kebangkitan Kesedaran Orang Melayu	8
<b>BAB 2</b>	<b>MALAYAN UNION</b>	<b>22</b>
	Pengenalan	22
	Penubuhan Malayan Union	24
	<i>United Malay National Organization (UMNO)</i>	26
	Kronologi Gerakan Menentang Malayan Union	36

<b>BAB 3</b>	<b>PERJUANGAN KEMERDEKAAN</b>	<b>42</b>
	Pengenalan	42
	Kebangkitan Suara Kemerdekaan	43
	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	44
	Darurat 1948–1960	56
	Langkah-langkah Menamatkan Darurat	68
	Parti Perikatan Malaya	70
	Usaha ke Arah Kemerdekaan	72
	Kronologi Usaha Kemerdekaan	73
	Kronologi Hari Bersejarah (31 Ogos 1957)	75
<b>BAB 4</b>	<b>TOKOH PEJUANG KEMERDEKAAN</b>	<b>86</b>
	Pengenalan	86
	Dato' Onn Jaafar	86
	Tunku Abdul Rahman Putera al-Haj	99
	Ustaz Abu Bakar al-Baqir	119
	Dr. Burhanuddin al-Helmy	127
	Ahmad Boestamam	146
	Tun Abdul Razak Hussein	172
<b>BAB 5</b>	<b>MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA</b>	<b>189</b>
	Pengenalan	189
	Definisi Interaksi, Integrasi dan Asimilasi	190
	Sejarah Kedatangan Masyarakat Bukan Peribumi	193
	Masyarakat Melayu	202
	Kesan Imigrasi ke atas Masyarakat Melayu	208
<b>BAB 6</b>	<b>PERISTIWA 13 MEI DAN PERUBAHAN SOSIOEKONOMI</b>	<b>232</b>
	Pengenalan	232
	Tragedi 13 Mei 1969	233

	Kesan Tragedi 13 Mei 1969	235
	Latar Belakang Ekonomi	238
<b>BAB 7</b>	<b>LAKARAN SEJARAH PEMBANGUNAN MALAYSIA</b>	<b>242</b>
	Tun Hussein bin Dato' Onn	242
	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad	244
	Wawasan 2020	255
<b>BAB 8</b>	<b>PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA</b>	<b>269</b>
	Pengenalan	269
	Latar Belakang Ekonomi Tradisi Tanah Melayu	269
	Perkembangan Ekonomi Pertanian Zaman Kolonial	271
	Perkembangan Ekonomi Selepas Merdeka	275
	Sumbangan Sektor Pertanian dalam Pembangunan Negara	289
	Struktur Ekonomi Malaysia	294
	Strategi Ekonomi Negara	296
	Cabaran dan Prestasi Ekonomi Negara	298
	Kemakmuran Negara	301
	Kajian Kes: FELCRA Seberang Perak	304
	Bibliografi	317
	Indeks	327
	Biodata	335



# **BAB 1**

## **LATAR BELAKANG KEBANGKITAN POLITIK RAKYAT**

### **PENGENALAN**

Kebangkitan semangat kebangsaan dan perjuangan mendaulatkan bangsa, agama dan negara selepas Perang Dunia Kedua di negara-negara yang terjajah tidak dapat dibendung. Demikian juga kebangkitan Islam yang mula bertiup kencang di Timur Tengah, kemudian menyemarak ke seluruh Nusantara. Ia merupakan satu gelombang kesedaran rakyat tempatan, iaitu menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap kuasa penjajahan Barat. Kebangkitan ini mencabar kuasa penjajah, malah menegaskan prinsip perjuangan untuk bebas. Lantaran itu pihak penjajah menyusun strategi dan gerak balas untuk mengawal, membendung dan menyekat kebangkitan rakyat. Tindak balas penjajah British terhadap kebangkitan bangsa Melayu ini tidak akan dilayan dengan saksama. Penyuaran tanpa kawalan dan sekatan akan membuatkan pihak yang berkuasa berasa tercabar dan tergugat. Kebangkitan yang berlaku di Tanah Melayu telah membuatkan kuasa imperialis

Barat berasa gusar. Kegusaran ini dibalas dengan tindakan keras oleh British untuk membendung kebangkitan bangsa Melayu.

## LATAR BELAKANG PERJUANGAN POLITIK MELAYU

Menyingkap sejarah awal negeri Perak, kebangkitan nasionalisme di Perak bermula seawal abad ke-17 lagi melalui peristiwa penentangan orang Melayu terhadap Syarikat Hindia Timur Belanda di Pulau Pangkor pada tahun 1690. Penentangan ini diketuai Panglima Kulub yang menyerang kubu Belanda di Teluk Gedung, Pulau Pangkor.<sup>1</sup> Kemudian sejarah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 sekali lagi memperlihatkan kebangkitan orang Melayu di Perak dalam penentangan terhadap penjajah British. Klimaks peristiwa penentangan orang Melayu Perak pada waktu itu berlaku sekitar tahun 1875, yang dikenali dalam sejarah sebagai peristiwa Perang Perak. Peristiwa perang ini lebih besar dan menyeluruh kerana melibatkan sebahagian negeri Perak. Ia melibatkan hampir setiap lapisan masyarakat Melayu di Perak. Tokoh-tokoh penting penentang penjajahan British waktu itu ialah Sultan Abdullah, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar, Dato' Maharajalela Pandak Lam, Dato' Sagor, Pandak Endut dan Kulub Ali.<sup>2</sup> Mereka bersatu dalam perjuangan bersenjata di Perak. Kejayaan dicapai dalam peristiwa pembunuhan Residen British yang pertama di negeri Perak dan juga di Tanah Melayu, iaitu peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak, Perak pada 2 November 1875.<sup>3</sup> Kemudian tercetus pula peristiwa berdarah Perang Perak pada tahun 1875-1876, yang merupakan peristiwa penting bagi masyarakat Melayu di Perak dan Tanah Melayu umumnya. Namun, kebangkitan ini menemui kegagalan kerana sikap

orang Melayu yang tidak setia sesama mereka. Sebagai contohnya, perpecahan orang Melayu Perak dalam menyokong pewaris takhta kesultanan Perak pada tahun 1870-an. Perjuangan awal ini menemui kegagalan dan mereka yang terlibat dijatuhkan hukuman. Ada antara mereka yang dibuang negeri ke Pulau Seychelles, seperti Raja Abdullah, Ngah Ibrahim dan Datuk Laksamana Muhammad Amin. Ada yang dihukum gantung, seperti Dato' Maharajalela Pandak Lam, Dato' Sagor dan Pandak Endut. Malah ada yang dipenjarakan seumur hidup, seperti Ngah Jabor, Panjang Bur dan Kulub Ali. Sultan Ismail pula dihukum tidak boleh pulang ke Perak tetapi dibenarkan tinggal di Johor.<sup>4</sup> Hal ini merupakan sejarah awal kebangkitan nasionalis Melayu di Perak.<sup>5</sup> Faktor ini membuktikan bahawa orang Melayu Perak telah memulakan penentangan bersenjata terhadap penjajah British seawal tahun 1874 lagi.

Ekoran penentangan bersenjata di negeri Perak tersebut, timbul pula pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 kebangkitan orang Melayu di negeri-negeri Melayu yang lain, seperti penentangan Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau di Pahang (1891–1895), penentangan Tok Janggut di Kelantan (1915) dan penentangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu (1924–1928). Peristiwa-peristiwa ini merupakan bibit-bibit penentangan orang Melayu terhadap penjajah British. Walaupun sebelum ini telah timbul kebangkitan orang Melayu di daerah kecil Naning, di bawah kepimpinan Dol Said pada tahun 1830–1831, tetapi ia belum mampu menjadi penggerak kepada kebangkitan orang Melayu keseluruhannya. Kebangkitan orang Melayu di seluruh negeri Melayu tidak berjaya sepenuhnya kerana pada waktu itu kebangkitan mereka tidak serentak kerana masalah komunikasi yang amat sukar. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa ini memberikan impak yang amat mendalam dalam kalangan orang Melayu kemudiannya.

**SIRI PENGAJIAN SEJARAH** dihasilkan untuk memenuhi ciri-ciri sumber sekunder yang autentik menerusi kajian dan penyelidikan bahan-bahan sejarah. Justeru, buku-buku dalam siri ini ditulis berdasarkan sumber-sumber yang berwibawa. Tujuannya adalah untuk membina generasi yang menghargai sejarah bangsa dan berjati diri.

Dalam arus pemodenan masa kini, aspek sejarah politik, sosial, budaya dan ekonomi yang pernah dilalui oleh Malaysia seolah-olah telah dilupakan. Sedar atau tidak, hakikatnya Malaysia telah melalui suatu perjalanan yang memperlihatkan pelbagai peristiwa suka dan duka. Rentetan peristiwa suka dan duka yang bersejarah inilah yang akhirnya mencorakkan sejarah Malaysia yang tersendiri.

Buku **MALAYSIA 1945-2000** yang terdiri daripada lapan bab ini memuatkan beberapa peristiwa terpilih. Perbicaraan menyentuh persoalan bangsa Melayu yang telah melalui pelbagai cabaran sejak era sebelum merdeka sehinggalah ke zaman pascamerdeka. Bermula dengan sebuah pertuanan Melayu yang bebas merdeka, sejarah memperlihatkan bangsa Melayu telah dijajah silih berganti oleh kuasa asing, terutamanya kuasa Barat. Tanggal 31 Ogos 1957 menyaksikan Tanah Melayu telah bebas daripada penjajahan setelah melalui perjuangan menuntut kemerdekaan yang panjang dan menuntut pengorbanan yang bukan sedikit.

Justeru, buku ini disajikan buat santapan para pembaca agar kesedaran kemerdekaan itu tidak lekang dari jiwa. Kehadiran buku ini juga diharap dapat memperkayakan lagi khazanah sejarah negara.



**HARGA: RM28.00**  
ISBN 978-967-61-2199-8



9 789676 121998

[www.mybooks.com.my](http://www.mybooks.com.my)

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

